



**KEBERKESANAN MODUL PENGAJARAN AYAT PASIF BAHASA
MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN TIGA**

CHE SASKIAH BT MOHD KHALID



**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005





PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

08.04.05

CHE SASKIAH BT MOHD KHALID
M20031001009





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. keluarga dan para sahabat. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang mengurniakan segala kekuatan dan ketabahan untuk menyempurnakan penulisan projek sarjana ini.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang Berbahagia, Professor Dr. Abdul Hamid Mahmood, yang sudi meluangkan masa untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar sehingga kajian ini siap ditulis.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris serta tenaga pengajarnya dan tidak ketinggalan rakan-rakan sekuliah dan sekolah yang tidak dapat disenaraikan satu persatu di sini kerana turut membantu secara langsung atau tidak langsung dan memberi galakan dalam melaksanakan tugas ini.



Kepada Pengetua SMK Tarcisian Convent dan pentadbir sekolah yang sentiasa memberi sokongan dan tidak lupa juga kepada semua pelajar SMK Tarcisian Convent, terutamanya pelajar Tingkatan 3 yang telah bekerjasama dalam melaksanakan kajian ini.

Buat keluarga tercinta, terima kasih atas segala-segalanya kerana sentiasa memberi sokongan, memahami, memberi semangat, mendoakan kejayaan dan kesejahteraan saya. Segala sumbangan dan pengorbanan mereka akan saya kenang hingga ke akhir hayat

CHE SASKIAH BINTI MOHD KHALID
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak.

08 APRIL 2005





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan Modul Pengajaran Ayat Pasif dalam pengajaran pembelajaran ayat pasif bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah di Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Kajian ini juga dijalankan untuk menguji keberkesanan kaedah pengajaran bermodul bagi ayat pasif di peringkat sekolah menengah.

55 orang pelajar tingkatan 3 sebuah sekolah menengah di daerah Kinta telah dipilih menjadi sampel kajian ini. Pemilihan sampel ialah secara rawak berkelompok iaitu dipilih dari kelas tingkatan 3, berdasarkan jadual kedatangan kelas.

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah modul pengajaran ayat pasif, pra ujian dan pasca ujian. Satu ujian rintis telah digunakan untuk menentukan kelemahan instrumensi dan seterusnya membolehkan instrumen diperbaiki. Segala data kajian yang diperoleh dalam penyelidikan telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan peratus.

Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pencapaian pra ujian dan pasca ujian ayat pasif bagi para pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran bermodul. Akhirnya, beberapa cadangan dikemukakan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan dan pencapaian ayat pasif bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 3.





ABSTRACT

This research attempts to find out the effectiveness of teaching and learning of passive sentences in bahasa Melayu. This study was carried out amongst form 3 students in a secondary school in Ipoh, Perak Darul Ridzuan. This study tested the effectiveness of the module on teaching methods for the teaching of passive sentences to form 3 students in secondary schools.

A total of 55 students were chosen as samples for this study. The students were from SMK Tarcisian Convent, Ipoh in the Kinta District. The samples chosen were random groups based on their class registers.

The instrument used to collect data was the module on teaching of passive sentences, pre-test and post-test. A pioneer test was held to find out the weaknesses of the instruments used. All the data collected from the research was processed and analysed using percentage.



The outcome of this study showed that there was a clear difference between the achievement in the pre-test and the achievement in the post-test for the students who underwent learning passive sentences using this module. Finally, several recommendations are proposed to increase the level of competency and performance in learning passive sentences in bahasa Melayu amongst form 3 students.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB1	
PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1  Penyataan Masalah	3
1.2 Kepentingan Kajian	4
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Definisi Operasional	7
1.6.1 Keberkesanan	8
1.6.2 Modul Pengajaran	8
1.6.3 Pencapaian Akademik	8





1.6.4	Pemelajaran	9
1.6.5	Kaedah Pengajaran Bermodul	9
1.6.6	Kaedah Pengajaran Tradisional	9
1.6.7	Kumpulan Eksperimen	10
1.6.8	Kumpulan Kawalan	10

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	11
2.1	Kajian Struktur Ayat Pasif	12
2.2	Modul Dalam Pengajaran dan Pemelajaran	16
2.3	Penyediaan Modul Pengajaran yang Efektif	18
2.4	Kepentingan Modul Dalam Pengajaran	20
2.5	Modul Dalam Pemelajaran	21
2.6	Pengajaran Bermodul dan Pencapaian Pelajar	23
2.7	Kaedah Pengajaran Bermodul	25
2.8	Rumusan Tinjauan	25

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	27
-----	------------	----





3.1	Reka Bentuk Kajian	28
3.2	Pemboleh Ubah	29
3.3	Populasi Kajian	30
3.4	Persampelan	30
3.5	Instrumensi	31
3.5.1	Modul Pengajaran Ayat Pasif	32
3.5.2	Pra Ujian	33
3.5.3	Pasca Ujian	34
3.6	Kajian Rintis	35
3.7	Prosedur Eksperimen	37
3.7.1	Kaedah Pengajaran Bermodul	38
3.7.2	Kaedah Pengajaran Tradisional	39
3.8	Rumusan Prosedur Eksperimen	39

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	42
4.1	Cara Menganalisis Data	43
4.2	Analisis Dan Dapatan	44



**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	63
5.1	Kesimpulan	63
5.2	Cadangan	67

RUJUKAN	69
----------------	----

LAMPIRAN

A	Pra Ujian	74
B	Set 1 – Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Ketiga	79
C	Set 2 – Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua	84
D	Set 3 - Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Pertama, Kedua, Dan Ketiga	87
E	Pasca Ujian	92
	Surat Permohonan Menggunakan Kemudahan Perpustakaan Universiti Malaya	97





SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

4.1	Perbezaan Peratus Pencapaian Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen (KE)	44
4.2	Perbezaan Peratus Pencapaian Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan (KK)	45
4.3	Perbezaan Purata Peratus Markah Keseluruhan Pra Ujian dan Pasca Ujian Kelas Eksperimen (KE)	46
4.4	Perbezaan Purata Peratus Markah Keseluruhan Pra Ujian dan Pasca Ujian Kelas Kawalan (KK)	47
4.5	Perbezaan Peratus Pencapaian Pasca Ujian Bagi Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan	48
4.6	Analisis Pencapaian Bahagian A Pra Ujian dan Pasca Ujian (Tukarkan Ayat-ayat Aktif menjadi Ayat-ayat Pasif)	51
4.7	Analisis Pencapaian Bahagian B Pra Ujian dan Pasca Ujian (Tukarkan Ayat-ayat Pasif menjadi Ayat-ayat Pasif Songsang)	54
4.8	Anlisis Pencapaian Bahagian C Pra Ujian dan Pasca Ujian (Mengenal pasti Ayat-ayat Pasif)	57





SENARAI SINGKATAN

KE

-

Kumpulan Eksperimen

KK

-

Kumpulan Kawalan

KBSM

-

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

SRP

-

Sijil Rendah Pelajaran





BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa merupakan wahana komunikasi yang amat penting untuk menyampaikan maklumat dan mesej daripada seorang penutur kepada pendengarnya. Kadang-kadang dalam komunikasi berlaku penggunaan bahasa yang tidak tepat, akibatnya wujud salah tafsiran makna, dan makna yang hendak disampaikan tidak betul. Oleh itu, penggunaan bahasa yang betul berdasarkan sistem tatabahasa atau nahu yang betul dalam sesuatu bahasa itu perlulah dilakukan dengan betul. Bahasa Melayu, seperti yang diketahui umum, sudah digunakan sekian lama oleh penutur di negara kita, tidak kira mereka ini penutur asli atau sebaliknya.

Penggunaan ayat pasif dalam kalangan pelajar, terutamanya pelajar sekolah menengah masih lemah kerana cara pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru kurang berkesan. Keadaan ini menyebabkan mereka masih sukar memahami dan membezakan antara ayat aktif dan ayat pasif. Selain itu, para





pelajar juga tidak dapat membezakan penggunaan kata ganti nama yang digunakan dalam ayat pasif kata ganti nama orang pertama, ayat pasif kata ganti nama orang kedua dan ayat pasif kata ganti nama orang ketiga. Oleh hal yang demikian, para pelajar perlu diberi pendedahan tentang penggunaan ayat pasif dalam pelbagai aspek kerana dalam alam pendidikan, seseorang pelajar perlu memahami bahasa dalam konteks penggunaan seharian untuk keperluan peribadi dan untuk mencari ilmu.

Dalam pendidikan bahasa Melayu di sekolah menengah khususnya, strategi yang menekankan interaksi pelajar seperti belajar melalui pengalaman sendiri tidak digunakan. Strategi ini akan memberi keyakinan berbahasa dalam diri pelajar. Cara dan teknik yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ialah kaedah yang memungkinkan penyertaan pelajar yang aktif untuk keyakinan berbahasa. Dalam hal ini, antara kaedah yang boleh digunakan untuk mengajar ayat pasif ialah kaedah penggunaan modul sebagai bahan pengajaran. Dengan penggunaan modul ini pelajar akan lebih mudah memahami penggunaan ayat pasif dalam pelbagai situasi.

Ayat pasif ialah salah satu aspek dalam bahasa Melayu yang perlu diberi perhatian oleh guru bahasa khususnya. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran ayat pasif sering diabaikan oleh guru yang mengajar bahasa Melayu. Justeru itu, ayat pasif terus mendapat kedudukan yang rendah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Situasi ini harus diperbetulkan supaya masalah ini tidak menjadi semakin serius dan pelajar masih kabur mengenai penggunaan ayat pasif dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, satu bentuk modul perlu didedahkan kepada pelajar supaya dapat memberi panduan atau mengajar pelajar cara





menggunakan ayat pasif dengan betul. Dalam kajian ini, pengkaji akan dapat melihat keberkesanan menggunakan modul ayat pasif kepada pelajar. Oleh itu, diharapkan modul yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ini menyebabkan pelajar mampu menguasai ayat pasif dengan baik dan menggunakannya dengan betul dan tepat.

1.1 Penyataan Masalah

Ayat pasif kerap menjadi masalah kalangan pelajar khususnya pelajar-pelajar bahasa Melayu tetapi jika pelajar-pelajar bahasa Melayu memahami konsep pembentukan ayat pasif dengan baiknya maka sudah tentu tidak akan wujud lagi masalah.

Penggunaan ayat pasif yang betul dan tepat menandakan bahawa seseorang itu dapat menguasai satu aspek bahasa Melayu dengan baik. Penguasaan bentuk-bentuk ayat-ayat pasif merupakan satu kelebihan bagi pelajar-pelajar bahasa Melayu. Kemampuan ini membolehkan mereka mengujar dan menulis ayat-ayat yang pelbagai variasi dan bentuk. Oleh hal yang demikian, kualiti atau mutu bahasa yang digunakan, sama ada dalam lisan atau tulisan akan meningkat dan berkembang. Justeru itu, pencapaian mereka akan terus meningkat kerana penggunaan ayat-ayat pasif dalam tulisan memperlihatkan kreativiti dan penguasaan bahasa seseorang.

Kini, penguasaan bahasa Melayu dalam aspek ayat pasif amat penting melalui proses pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar perlu menguasainya untuk membolehkan mereka membina struktur ayat yang lebih lengkap dan tepat dalam penulisan.





Kajian ini dilakukan kerana terdapat masalah penguasaan ayat pasif dalam kalangan para pelajar terutamanya ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama, ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang kedua, ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang ketiga dan ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang pertama, ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang kedua dan ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang ketiga. Antara kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penggunaan ayat pasif ialah 'Bola itu ditendang oleh saya', 'Kuih yang dibuat oleh kamu sungguh sedap', dan 'Buku-buku itu mereka pulangkan semalam'.

Oleh itu, para pelajar akan belajar melalui satu modul yang akan disediakan. Dengan ini, diharapkan kajian ini nanti dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan ayat pasif bahasa Melayu kalangan pelajar Tingkatan Tiga. Seterusnya, pelajar dapat membezakan penggunaan ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua, dan kata ganti nama diri orang ketiga serta ayat pasif songsang kata ganti nama diri orang pertama, ayat pasif songsang kata ganti nama diri orang kedua dan ayat songsang kata ganti nama diri orang ketiga.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah-masalah pemelajaran ayat pasif bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga. Justeru itu, kajian ini juga seterusnya diharapkan dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa





Melayu dan pencapaian akademik mereka. Melalui kajian ini, guru dapat menilai sejauh mana pencapaian pelajar dalam menguasai ayat pasif dengan menggunakan modul pembelajaran yang dicadangkan.

Hasil kajian diharapkan dapat dijadikan makluman dan membantu guru-guru dalam pemilihan kaedah atau alternatif lain seperti pengajaran bermodul yang lebih menarik dan berkesan dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam menggunakan ayat pasif. Pelajar diharapkan dapat memahami dan menguasai ayat-ayat pasif dengan lebih mudah dan cepat.

Kajian tentang keberkesanan penggunaan modul pengajaran juga diharapkan dapat mengesan sikap dan kaedah yang biasa digunakan oleh guru. Hasil kajian juga akan dapat memastikan kesesuaian modul pengajaran ayat pasif yang digunakan oleh guru. Oleh itu, pelajar akan lebih tertarik untuk melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Seterusnya kajian ini akan menggalakkan amalan pendekatan pengajaran yang terancang dan lebih sistematik secara meluas di sekolah-sekolah menengah.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti serta meneliti tahap penguasaan bahasa Melayu dari pelbagai sudut kemahiran dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan modul





pengajaran ayat pasif dalam pengajaran pemelajaran ayat pasif bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah daerah Kinta, negeri Perak.

Hasil kajian juga akan dapat mengesan dan menguji kesesuaian kaedah pengajaran bermodul bagi ayat pasif bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat mengesan dan memahami masalah yang mempengaruhi kelemahan penguasaan ayat pasif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan sama ada kaedah pengajaran bermodul dapat menghasilkan pencapaian ayat pasif yang lebih baik dalam konteks sistem sekolah di Malaysia. Bagi memenuhi keperluan penyelidikan, soalan berikut telah dikemukakan untuk kajian.

“Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian pra ujian dengan pasca ujian ayat pasif bagi pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran bermodul ayat pasif.”





1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di daerah Kinta, Perak. Subjek kajian terdiri daripada para pelajar perempuan Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh. Pengkaji hanya menggunakan topik-topik tertentu dalam Sukatan Pelajaran bahasa Melayu Tingkatan Tiga. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan perhatian kepada ayat pasif seperti yang disenaraikan:

- (i) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama
- (ii) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang kedua
- (iii) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang ketiga
- (iv) Ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang pertama
- (v) Ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang kedua
- (vi) Ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang ketiga

Kajian ini melibatkan dua orang guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Menengah Tarcisian Convent, Ipoh.

1.6 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, penyelidik akan membincangkan penggunaan kaedah pengajaran bermodul dan keberkesanannya dalam pengajaran. Di bawah ini diterangkan beberapa konsep asas dan istilah yang digunakan dalam kajian ini.





1.6.1 Keberkesanan

Pencapaian yang diperoleh pelajar atau dengan kata lain sesuatu pemelajaran yang dikuasai oleh pelajar.

1.6.2 Modul Pengajaran

Bahan pengajaran yang dilengkapi dengan matlamat, objektif, hasil pembelajaran utama, hasil pembelajaran khusus, sistem bahasa, ilmu, kemahiran bernilai tambah, nilai, isi kandungan mata pelajaran, strategi, dan gerak kerja serta cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul ini memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dan pelajar belajar dengan lebih berkesan.



1.6.3 Pencapaian Akademik

Para pelajar dari kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan Eksperimen dan kumpulan Kawalan akan menduduki satu pasca ujian (Lampiran E). Soalan-soalan dalam ujian ini adalah setara dengan pra ujian (Lampiran A) yang diambil oleh para pelajar sebelum mengikuti kaedah pengajaran yang telah ditetapkan. Skor yang diperoleh dari pasca ujian itu dikenali sebagai pencapaian akademik iaitu keupayaan pelajar menguasai isi kandungan pelajaran dan kebolehan menghasilkan tingkah laku yang diinginkan dalam mencapai matlamat pemelajaran.





1.6.4 Pemelajaran

Merujuk kamus Dewan Edisi Baharu (1996), Pemelajaran bermaksud proses mempelajari. Manakala menurut Tyler (1977), pemelajaran ialah proses pelajar membentuk cara pemikiran yang baharu atau mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkah lakunya.

1.6.5 Kaedah Pengajaran Bermodul

Kaedah Pengajaran Bermodul menjalankan pengajaran dan pemelajaran berdasarkan modul. Kaedah ini menggunakan strategi, gerak kerja, dan penilaian pada setiap pelajar yang membolehkan penglibatan aktif pelajar dalam kumpulan dan secara individu.



1.6.6 Kaedah Pengajaran Tradisional

Kaedah Pengajaran Tradisional menggunakan kaedah yang biasa berlaku di sekolah iaitu dengan kapur dan pertuturan. Pengajaran dan pemelajaran adalah berpusat kepada guru manakala pelajar bersifat pasif. Guru tidak menjalankan ujian ke atas topik selepas tamat sesuatu topik. Walaupun demikian, satu ujian akan diberi pada akhir pengajaran sesuatu bab. Buku teks merupakan bahan pengajaran utama dalam pengajaran dan pemelajaran kaedah ini.





1.6.7 Kumpulan Eksperimen

Kumpulan eksperimen melibatkan 30 orang pelajar Tingkatan 3 Sekolah Menengah Kebangsaan Tarcisian Convent yang dipilih secara rawak berkelompok untuk mewakili kumpulan kaedah pengajaran bermodul (Kumpulan Eksperimen). Kumpulan ini belajar ayat pasif bahasa Melayu dengan kaedah pengajaran bermodul iaitu menggunakan modul pengajaran. Kaedah pengajaran bermodul menggunakan strategi, gerak kerja dan penilaian pada setiap pelajaran dan keadaan ini membolehkan penglibatan aktif pelajar dalam kumpulan dan secara individu.

1.6.8 Kumpulan Kawalan

25 orang pelajar Tingkatan 3 dari sekolah yang sama dipilih secara rawak berkelompok bagi membentuk kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran ayat pasif bahasa Melayu. Bentuk pengajaran dan pembelajaran berpusat kepada guru dan buku teks menjadi teras bacaan dan semua maklumat disampaikan dalam kelas.

